

Kokurikulum UTHM Memposisikan Mahasiswa Profesional

Fadillah Ismail¹, Nor Azwa Mohammad¹, Norfaizah Ismail¹

¹Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA

* fadillah@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2022.02.02.009>

Received 8 August 2022; Accepted 7 December 2022; Available online 15 December 2022

Abstract: Aktiviti kokurikulum memainkan peranan penting dalam membangunkan kemahiran insaniah dan membantu pelajar ke arah kejayaan. Penyertaan aktif dalam aktiviti kokurikulum memberi kesan positif kepada kejayaan mereka sama ada dalam pencapaian akademik, pembangunan kemahiran dan kebolehpasaran graduan. Oleh itu, sebuah kajian deskriptif telah dijalankan ke atas mahasiswa UTHM bagi menilai keberkesanan kokurikulum yang dijalankan secara atas talian melalui pendedaran link google form di awal semester dan pada minggu ke-14 sebelum berakhir pengajian disetiap semester. Dapatan kajian membuktikan bahawa perkembangan dan peningkatkan dari aspek, pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar terhadap 7 elemen kemahiran insaniah yang diukur sebelum dan selepas mengikuti pengajaran dan pembelajaran selama 14 minggu. Kesimpulannya, kajian ini dilihat sangat penting sebagai satu bukti, rujukan dan input kepada penambahbaikan program kokurikulum yang masih dilaksanakan. Usaha dan pembangunan berterusan harus selari dengan keperluan dan tuntutan semasa bagi membentuk dan memperkasakan lagi kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa UTHM kerana ia akan memberikan nilai tambah ke arah pembentukan diri yang lebih kompeten dan berdaya saing.

Keywords: UTHM, Kokurikulum, Mahasiswa, Profesional

1. Pengenalan

Akibat globalisasi dan perubahan pesat sejak beberapa dekad yang lalu, modal insan telah menjadi lebih penting dalam menentukan kejayaan sesebuah negara [1]. Pendidikan berkait rapat dengan modal insan, kerana pendidikan berperanan membentuk insan yang berilmu, beretika, dan dilengkapi dengan kemahiran bernilai tambah yang berguna dalam kehidupan dan pekerjaan. Salah satu cara untuk mengembangkan kemahiran nilai tambah dalam kalangan pelajar ialah melalui penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum [2]. Matlamat aktiviti kokurikulum di universiti adalah untuk menyemai, memupuk, dan mengembangkan kualiti kepimpinan, serta kesepaduan sosial, dalam kalangan pelajar [3]. Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum didapati menyumbang secara positif kepada pembangunan sahsiah pelajar [4]. Aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar untuk bersosial, membina jati diri, meningkatkan keyakinan diri dan berdikari bagi melahirkan mahasiswa yang profesional.

*Corresponding author: muhtador@iainkudus.ac.id

Aktiviti kokurikulum adalah penting untuk pelajar, dan banyak kolej dan universiti telah mewajibkannya. Mereka membentangkan bidang aktiviti institusi di mana untuk menerapkan nilai, membangunkan kemahiran hidup tambahan, merangsang kerjasama dalam kalangan pelajar dan menyediakan peluang untuk bersosial sambil menikmati kehidupan pelajar dengan cara yang bermanfaat dan sihat [5]. Aktiviti kokurikulum juga berfungsi sebagai aspek kehidupan universiti di mana pelajar boleh memperoleh pengalaman praktikal yang tidak diperolehi daripada kelas atau kuliah, walaupun beberapa aktiviti kokurikulum berkaitan dengan kursus pengajian pelajar. Aktiviti kokurikulum boleh membantu meningkatkan prestasi belajar [6][7][8] dengan meningkatkan aspirasi pelajar untuk melanjutkan pelajaran dan dengan mengurangkan isu ketidakhadiran [5].

Kebanyakan majikan di Malaysia melahirkan kebimbangan terhadap kemahiran yang dimiliki oleh graduan kerana walaupun mereka mempunyai kelayakan dalam bidang tertentu, namun kemahiran bekerja mereka cukup kurang dan keyakinan diri mereka yang rendah [9]. Melihat dari perspektif lain, kajian [10] berpendapat kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh graduan adalah tidak konsisten dengan keperluan pasaran kerja. Ini secara tidak langsung akan menyebabkan permintaan terhadap pasaran kerja oleh graduan melebihi penawaran pekerjaan sedia ada, dan secara langsung meningkatkan kadar pengangguran di negara ini khususnya dalam kalangan siswazah. Graduan perlu mempelbagaikan kemahiran kebolehpasaran pekerjaan termasuk menambah nilai kemahiran dengan menyertai kokurikulum.

Jadual 1 : Kadar Kebolehpasaran di Malaysia (Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2022)

Tahun	Kadar Kebolehpasaran (%)
2014	75.1
2015	76.1
2016	77.3
2017	79.1
2018	80.2
2019	86.2
2020	84.4
2021	85.5

Jadual satu menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan di Malaysia daripada hasil tinjauan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Dapat kita lihat daripada tahun 2014 hingga ke tahun 2019, kadar kebolehpasaran graduan adalah meningkat saban tahun namun menurun 1.8% menjelang tahun 2020 akibat penularan endemik COVID-19 yang pantas bermula akhir tahun 2019 sehingga sekarang. Namun begitu, pada tahun 2021, kebolehpasaran graduan meningkat 1.1% berbanding tahun sebelumnya. Kajian lepas telah membuktikan bahawa graduan sedar akan kepentingan kemahiran dan kualiti yang perlu ada dalam diri seperti kemahiran kepimpinan dan etika kerja yang positif [11]. Namun begitu, kemahiran ini masih lemah dan kurang dikuasai oleh graduan untuk memasuki alam pekerjaan. [12] menyatakan bahawa graduan akan sukar mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan bidang yang diminati sekiranya tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan profesional. Melihat kepada persaingan kerja yang semakin mencabar, usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan tahap keberkesanan dan keyakinan graduan untuk terus berdaya saing [13] Aktiviti dan tugas yang diberikan kepada bakal graduan harus merangkumi pelbagai kemahiran seperti kemahiran berfikir aras tinggi, komunikasi, dan kemahiran sosial.

1.1 Kokurikulum UTHM

Setiap universiti mempunyai silibus kokurikulum yang berbeza mengikut keperluan semasa. Begitu juga di UTHM di mana silibus kokurikulum telah diletakkan di bawah Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK) UTHM bermula pada 1 Ogos 2016. Terdapat dua jabatan di bawah Pengajian Umum iaitu Jabatan Sains Sosial dan Jabatan Pengajian Islam di mana jabatan-jabatan ini akan menawarkan kursus yang diperlukan mengikut kesesuaian pelajar sama ada di peringkat pengajian Sarjana Muda dan Diploma. Jabatan Sains Sosial menawarkan 7 kursus untuk pelajar Sarjana Muda iaitu Kenegaraan dan Pembangunan Mutakhir Malaysia (3 kredit), Hubungan Etnik (2 kredit), *Malaysian Studies and Culture* untuk Pelajar Antarabangsa (3 kredit), Penghayatan Etika dan Peradaban (2 kredit), Profesional Di Tempat Kerja (3 kredit), Integriti dan Anti Rasuah (3 kredit) dan 1 lagi kursus untuk pelajar Diploma, Pengantar Kenegaraan dan Pembangunan Malaysia (3 kredit).

Jabatan Pengajian Islam menawarkan 7 kursus yang diperlukan universiti di peringkat pengajian Sarjana Muda dan Diploma. Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) (2 kredit), Pengajian Islam (2 kredit), Falsafah dan Isu Semasa (2 kredit) dan *Islam in Malaysia* (2 kredit) untuk pelajar antarabangsa ditawarkan pada peringkat pengajian Sarjana Muda, manakala Pengantar Pengajian Islam (2 kredit), Aqidah Ketuhanan dan Sains (2 kredit) dan Falsafah dan Isu Semasa (2 kredit) ditawarkan pada peringkat pengajian Diploma. Bagi pelajar bukan Islam, kursus Pengantar Pengajian Moral (2 kredit) ditawarkan di peringkat Sarjana Muda dan Diploma.

Sementara itu, Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) yang ditawarkan melibatkan 10 teras iaitu keusahawanan, daya usaha dan inovasi, sastera liberal, pengucapan awam, khidmat komuniti, kepimpinan, kemahiran, sukan, kebudayaan, serta kesukarelawanan. Terdapat lebih 120 orang pengajar membantu dalam mengendalikan pelbagai variasi kursus tersebut. Pada masa yang sama, bilangan pelajar yang mendaftar dalam KKB pada satu-satu masa melebihi 4,000 orang.

Penilaian KKB dilaksanakan secara berterusan berdasarkan kriteria yang dibangunkan oleh PPUK meliputi kriteria kemahiran bidang, domain (kerja kursus/ *University Community Engagement* (UCE) dan kemahiran insaniah. Pentaksiran berasaskan kemahiran insaniah ini dibangunkan untuk memastikan pelajar mampu mencapai tahap kemahiran sekurang-kurangnya Kemahiran Insaniah Mesti (KKM) iaitu kemahiran komunikasi (CS), pembelajaran sepanjang hayat (LLL), kerja berpasukan (TS), pemikiran kritis dan penyelesaian masalah (CTPS), keusahawanan (ES), etika dan moral profesional (E&MP) dan kepimpinan (LS).

2. Kajian Literature

Pasaran pekerjaan hari ini mengalami kitaran yang sangat mencabar dan dinamik yang terpaksa dihadapi oleh golongan muda yang baharu menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang kursus dari pelbagai institusi pengajian tinggi; peluang pekerjaan lebih terbuka kepada graduan yang memiliki kemahiran kebolehpasaran yang diharapkan di tempat kerja. Namun begitu hanya kira-kira 30% daripada calon yang hadir temu duga telah dipilih [14] dan salah satu sebab utamanya adalah kerana kurangnya penguasaan kemahiran insaniah terutamanya penyelesaian masalah dan komunikasi, dan kesukaran mengaplikasikan pengetahuan [15]. Oleh itu, institusi pendidikan tinggi perlu melengkapkan pelajar sebelum mereka bergraduan dengan kemahiran yang penting menepati keperluan tempat kerja; ini kerana isu ini semakin membimbangkan [10]. Dalam konteks ini, beberapa negara di seluruh dunia telah memperluaskan tumpuan mereka kepada pembangunan kemahiran, untuk menyediakan graduan ke dunia pekerjaan yang menepati kehendak majikan [16].

Kokurikulum merupakan suatu aktiviti yang tidak pernah diajar di dalam kelas akademik. Namun begitu, kerajaan Malaysia amat menitikberatkan isu kebolehpasaran mahasiswa dan mengharapkan mahasiswa lebih terlatih dan memiliki kemahiran insaniah tertentu. Dari perspektif [17] berkata, Kerajaan Malaysia telah pun melaksanakan pembangunan pelajar secara holistik melalui Pelan

Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi membolehkan pelajar mengembangkan kemahiran insaniah mereka. Menurut [18] aktiviti kokurikulum ialah program dan pengalaman pembelajaran di luar bilik darjah yang melengkapinya di dalam bilik darjah. Oleh itu, aktiviti kokurikulum ialah aktiviti dan program yang lazimnya berlangsung di luar pembelajaran kelas sambil ia melengkapinya aktiviti kurikulum atau pendidikan utama. Aktiviti-aktiviti ini merupakan elemen yang sangat penting dalam institusi pendidikan untuk membangunkan moral, sahsiah, integriti dan etika pelajar, serta mengukuhkan pembelajaran [19] Aktiviti kokurikulum juga penting untuk pembangunan fizikal, mental, moral, intelek, tingkah laku dan sivik pelajar di samping aktiviti kokurikulum [2].

Kemahiran insaniah melibatkan satu set kemahiran atau kapasiti yang perlu dimiliki oleh seseorang dalam usaha untuk menghadapi cabaran kehidupan seharian dengan jayanya. Menurut [10] kemahiran insaniah menggabungkan kecekapan transversal peribadi seperti kebolehan sosial, kebolehan bahasa dan komunikasi, keramahan dan kebolehan bekerja dalam pasukan dan ciri-ciri personaliti lain yang mencirikan perhubungan antara orang. Biasanya kemahiran insaniah dipelajari melalui pemerhatian, latihan, pengalaman dan penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti kokurikulum. Banyak kajian menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti kokurikulum, membawa kepada pembangunan kemahiran peribadi dan kemahiran sosial yang pelbagai, iaitu kemahiran insaniah [20][5][1][21].

Dalam perspektif [4] mengatakan bahawa kokurikulum terdiri daripada aktiviti sendiri pelajar itu sendiri untuk menimba ilmu dan kemahiran insaniah. Aktiviti atau projek bergantung kepada minat dan kecenderungan pelajar yang dijalankan di pusat pembelajaran yang berbeza. Ini bertujuan untuk meningkatkan bakat dan kemahiran mereka dalam persekitaran pembelajaran yang lebih selesa dan menghiburkan. Selain itu, melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, pelajar dapat mengembangkan kemahiran generik yang boleh mempengaruhi perkembangan sahsiah pelajar. Menurut [2] kemahiran kerja berpasukan, kepimpinan, dan komunikasi merupakan kemahiran yang boleh meningkatkan kemahiran interpersonal pelajar melalui aktiviti ekstrakurikuler. Dari perspektif [6] mengenai persepsi guru tentang perkaitan antara penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dengan kemahiran kompetensi mereka menunjukkan bahawa pelajar yang mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti kokurikulum didapati lebih kompeten dalam kemahiran komunikasi, kemahiran kognitif, kemahiran pengurusan diri dan prestasi akademik.

Sementara itu, [22] meneroka sebelas domain utama yang berkaitan dengan kemahiran insaniah graduan di Malaysia. Semakan sistematik menghasilkan 11 domain utama yang berkaitan dengan kemahiran insaniah graduan iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran keusahawanan, kemahiran interpersonal, kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran pengurusan, kemahiran numerasi, kemahiran menyelesaikan masalah, etika profesional dan kemahiran moral, kemahiran mengurus diri, kemahiran teknologi dan kemahiran berfikir hasil daripada sudut pandang majikan. Institusi pengajian tinggi perlu bekerja keras membangunkan atau meningkatkan kemahiran insaniah graduan untuk menyediakan mereka ke tempat kerja. Kualiti graduan di tempat kerja lebih diperlukan daripada kuantiti.


3. Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan objektif utama kajian [23]. Dimana soal selidik yang telah dibangunkan serta diuji kebolehpercayaannya oleh kumpulan pakar, dan telah diedarkan melalui pengajar atau jurulatih kepada semua mahasiswa yang berdaftar dan mengambil KKB pada semester tersebut secara atas talian melalui pendedaran link google form di awal semester dan pada minggu ke-14 sebelum berakhir pengajian disetiap semester. Kaedah soal selidik adalah kaedah yang paling popular digunakan di dalam kebanyakan kajian deskriptif bagi membantu pengkaji memperoleh maklumat yang diperlukan dalam mencapai ketepatan dan kebolehpercayaan yang tinggi [24]. Selain itu, pengumpulan data sekunder, diperolehi daripada pengkalan data PPUK dan berdasarkan laporan semasa kemahiran insaniah, yang

menyimpan data-data berkala bagi setiap sementer dalam pengukuran kemahiran insaniah mahasiswa UTHM. Bagi tujuan kajian ini, analisis data secara deskriptif telah diproses untuk melihat selang perubahan atau bagi meneliti, adakah terdapat perubahan pada setiap semester semasa dan bagi selang tahun untuk membuat perbandingan yang akhirnya memberi satu gambaran dan tindakan susulan dalam menentukan adakah KKB yang ditawarkan mampu memberi nilai tambah kepada perkembangan dan penguasaan kemahiran insaniah mahasiswa UTHM.

4. Dapatan Kajian

Merujuk kepada paparan graf bar kajian telah dilakukan selama 3 tahun atau 5 sem berturut-turut dari tahun 2019 sehingga 2022 yang merujuk kepada penilaian kursus-kursus kokurikulum ber kredit (KKB) yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn, berdasarkan persepsi penilaian pelajar mendapati berlaku perkembangan dan peningkatkan dari aspek, pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar terhadap 7 elemen kemahiran insaniah yang diukur sebelum dan selepas mengikuti pengajaran dan pembelajaran selama 14 minggu. Secara ringkas dan tepatnya, ia menjelaskan KKB, PPUK berjaya memupuk perkembangan dan berlaku penerapan kemahiran insaniah kepada mahasiswa UTHM.



Carta 1: Perbandingan Kemahiran Insaniah PRE & POST Berdasarkan Tahun

Catatan dapatan kajian ini merupakan membuktikan yang dapat menyangkal, pernyataan beberapa pihak industri, dan majikan yang menyatakan kebanyakan graduan tidak bersedia untuk bekerja kerana mempunyai tahap penguasaan kemahiran insaniah yang lemah. Dapatan kajian ini sebenarnya bukan sahaja menunjukkan tahap penguasaan kemahiran insaniah yang baik dalam kalangan mahasiswa UTHM. Malah ia secara lebih signifikan menjadi justifikasi kepada kerelавanan kursus kokurikulum ber kredit yang ditawarkan oleh pihak PPUK, UTHM. Dimana KKB yang ditawarkan bukan sahaja berjaya menerapkan malah meningkatkan penguasaan kemahiran dan kompetensi yang perlu dimiliki oleh setiap mahasiswa

Latihan kemahiran insaniah, menurut pakar, harus dimulakan secara konsisten semasa seseorang itu bergelar pelajar mengikut urutan dan berubah tahap selari dengan perkembangan pelajar yang menepati pekerjaan masa hadapan [25]. Ini kerana Kemahiran insaniah bukan sahaja menjadi pertimbangan utama dalam pemilihan pekerja oleh majikan, malah ia merupakan peramal yang signifikan kepada kebolehpasaran pelajar dalam pasaran buruh yang semakin kompetatif [26]. Tambahan pula, kemahiran dan kelayakan akademik tenaga kerja sebenarnya akan memainkan peranan penting dalam menghidupkan kreativiti inovasi dan daya saing dalam organisasi [27] [28]. Kekurangan set kemahiran yang diperlukan, sebaliknya, akan menghasilkan kesan yang ketara serta mewujudkan jurang prestasi

dan mengurangkan daya saing dalam organisasi, dan ini indikator yang tidak sihat dan perlu dicabar dalam pasaran perniagaan kini.

3. Kesimpulan

Dapatan kajian ini penting sebagai satu bukti, rujukan dan input kepada penambahbaikan program KKB, PPUK yang masih dilaksanakan. Usaha dan pembangunan berterusan harus selari dengan keperluan dan tuntutan semasa bagi membentuk dan memperkasakan lagi kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa UTHM kerana ia akan memberikan nilai tambah ke arah pembentukan diri yang lebih kompeten dan berdaya saing. Sepertimana yang kita sedia maklum dan kebiasaannya tindakan susulan adalah melalui atau bersandarkan kepada dapatan laporan penilaian yang dicatatkan untuk memastikan sebarang keputusan tindakan dan perancangan yang akan diambil, bertepatan dalam melakukan penambahbaikan dan penyelesaian kepada isu permasalahan dalam jangka panjang.

Selain itu, adalah penting bagi PPUK dalam merencana plan strategik dengan mengambil kira sumber luar yang merujuk kepada situasi semasa susulan daripada peningkatan pola yang menunjukkan hampir 30 peratus graduan menceburi bidang pekerjaan yang berlainan dari kursus yang dipelajari di institusi pengajian tinggi (IPT), malahan pelajar di negara ini dinasihatkan agar membuat perancangan kerjaya berdasarkan minat atau kebolehpasaran graduan dalam pekerjaan dalam jangka masa lima tahun akan datang dan perancangan tersebut perlu bermula di peringkat sekolah lagi. Malah berdasarkan keratan akhbar Berita Harian (2022), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaya (UM) telah menghentikan beberapa program akademiknya berikutan ia tidak praktikal selain tiada lagi permintaan di pasaran. Malahan beberapa institusi pengajian tinggi awam Malaysia dikhabarkan sedang dalam proses penstrukturan dan semakan MQA serta pertimbangan untuk menawarkan beberapa program serta kursus baharu yang lebih relavant memenuhi keperluan pasaran.

Justeru itu, memikul kebersamaan mutlak demi kelestarian sejagat, PPUK komited untuk memacu transformasi TVET menuju universiti teknousahawan global untuk pembangunan sejagat. Beberapa usaha sedang dilakukan oleh pihak PPUK dalam memastikan pemerksaan mahasiswa yang kompeten bertaraf global, bakat professional dan bakal teknousahawan, selari dengan hasrat menjadikan UTHM sebagai Global Technopreneur University 2030 (GTU 2030).

Penghargaan

Kajian ini berjaya dijalankan dengan bantuan dan kerjasama daripada PPUK Kursus Kokurikulum Berkredit.

Rujukan

- [1] Ab Ghani, S., Awang, M. M., Ajit, G., & Rani, M. A. M. (2020). Participation in Co-Curriculum Activities and Students' Leadership Skills. *Journal of Southwest Jiaotong University*, 55(4).
- [2] Siddiky, M. D. R. (2020) Examining the Linkage between Students' Participation in Co-curricular Activities and their Soft Skill Development. *Journal of Educational Sciences*, 4(3), pp. 511-528.
- [3] Gleeson, J., Black, R., Keddie, A., & Charles, C. (2022). Graduate capitals and employability: Insights from an Australian university co-curricular scholarship program. *Pedagogy, Culture & Society*, 1-19.
- [4] Jackson, D., & Bridgstock, R. (2021). What actually works to enhance graduate employability? The relative value of curricular, co-curricular, and extra-curricular learning and paid work. *Higher Education*, 81(4), 723-739.

- [5] Roslan, N. M., & Hamid, M. S. A. (2020). The Effectiveness Of Co-Curricular Activities By Integrated Living Skills Unit In Enhancing Students'soft Skills. *E-Bangi*, 17(4), 162-172.
- [6] Ritchie, G. M. (2018). The impact of academic co-curricular activity participation on academic achievement: a study of catholic high school seniors. Seton Hall University.
- [7] Sami, A., & Irfan, A. (2020). Academic Achievement of college students based on Co-curricular Activities. *Journal of Management Info*, 7(1), 16-23.
- [8] Karim, K. (2021). Role of Co-curricular Activities (CCAs) in Academic Success and Increasing Graduate Employability. *International Journal of Learning and Development*, 11(1), 121-130.
- [9] Seng, L. C. (2018) Malaysia Public Universities' Graduate Employability Policies: An Analysis of First Degree Graduates Unemployment and Underemployment Issues.
- [10] Halim, N. H., & Sahid, S. (2020). Kemahiran Kesiapan Kerja, Efikasi Kendiri, Tingkah Laku Keusahawanan dan Eksplorasi Kerjaya dalam kalangan Graduan (Work Readiness Skills, Self-Efficacy, Entrepreneurial Behavior and Career Exploration among Graduates). *Akademika*, 90(S3).
- [11] Liu, W. (2018). High-involvement human resource practices, employee learning and employability. *Career Development International*.
- [12] Noah, J. B., & Aziz, A. A. (2020). A Systematic review on soft skills development among university graduates. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 6(1), 43-58.
- [13] Ismail, F., & Fuad, S. S. H. (2021). The Effect Of Co Curriculum Involvement Toward The Academic Performance, Leadership Role, And Perceived Development Of Employability Skills. *International Journal*, 4(16), 17-31.
- [14] Nisha, S. M., & Rajasekaran, V. (2018). Employability skills: A review. *IUP Journal of Soft Skills*, 12(1), 29-37.
- [15] Azmi, I., Hashim, R., & Yusoff, Y. (2018). The Employability Skills of Malaysian University Students. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 1(3).Balangan, J., Elizabeth, D., Marjury, T., & Joanna, A. (2021). A Tracer Study on The Employability Status of Bachelor of Science in Environmental Science (BSES). Graduates From 2014 to 2018 of Benguet State University.
- [16] Abelha, M., Fernandes, S., Mesquita, D., Seabra, F., & Ferreira-Oliveira, A. T. (2020). Graduate Employability and Competence Development in Higher Education—A Systematic Literature Review Using PRISMA. *Sustainability Journal*, 12(15). <http://doi.org/10.3390/su12155900/>
- [17] Gerhardt, T. (2019). An Analysis of the Impact of a Leadership Intervention on an Undergraduate Work-Based Learning Project for Human Resource Management Students. *Journal of Work-Applied Management*, 11(1)
- [18] Vos, S.S., Sabus, A., Seyfer, J., Umla, L. Gross-Advani, C., & Thompson-Oster, J. (2018). Using continuing professional development to create meaningful co-curricular learning opportunities for all student pharmacists. *American Journal Pharmaceutical Education*, 82(4), 327-336.
- [19] Singh, A. (2017). Effects of co-curricular activities on academic achievements of students. *International Journal of Education and Multidisciplinary Studies*, 6(3), 241-254.

- [20] Mavrikios, D., Georgoulis, K. & Chryssolouris, G. (2018). The teaching factory paradigm: Developments and outlook. *Procedia Manufacturing*, 23, pp. 1-6
- [21] Ismail, F., & Fuad, S. S. H. (2021). The Effect Of Co Curriculum Involvement Toward The Academic Performance, Leadership Role, And Perceived Development Of Employability Skills. *International Journal*, 4(16), 17-31.
- [22] Pazil, A. H. M., & Razak, R. C. (2019). Perspectives of Asian employers on graduates' soft skills: A systematic review. *Universal Journal of Educational Research*, 7(11), 2397-2405.
- [23] Benesová, A. & Tupa, J. (2017). Requirements for education and qualification of people in Industry 4.0. *Procedia Manufacturing*, 11, pp. 2195-2202
- [24] Loeb, S., Dynarski, S., Mcfarland, D., Morris, P., Reardon, S., & Reber, S. (2017). Descriptive analysis in education: A guide for researchers The National Center for Education Evaluation and Regional Assistance (NCEE) conducts unbiased large-scale evaluations of education programs and practices. Washington.
- [25] Penratanahiran, R., & Thongkham, K. (2021). A Survey of Soft Skills Needed in the 21st Century Workplace. *Rajabhat Rambhai Barni Research Journal*, 15(1), 59-69
- [26] Nazron, M, A., Lim, B., & Nga, J, L, H. (2017). Soft Skills Attributes and Graduate Employability: A Case in Universiti Malaysia Sabah. *Malaysian Journal of Business and Economics*, 4(2). <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/mjbe/article/view/1080>
- [27] Benešová, A., & Tupa, J. (2017). Requirements for education and qualification of people in Industry 4.0. *Procedia manufacturing*, 11, 2195-2202.
- [28] Mavrikios, D., Georgoulis, K., & Chryssolouris, G. (2018). The teaching factory paradigm: Developments and outlook. *Procedia Manufacturing*, 23, 1-6.
- anan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5), 1-15